

JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)

1. PEMBANTU MAKMAL GRED C17 (KONTRAK : KEKOSONGAN 1)

Tangga Gaji P1 RM932.15 (Minimum) - RM2,531.14 (Maksimum)
P2 RM990.26 (Minimum) - RM2,668.04 (Maksimum)
P3 RM1,050.09 (Minimum) - RM2,809.80 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam subjek Matematik atau salah satu daripada subjek Sains pada peringkat peperiksaan tersebut;
- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Bagi jawatan yang ditawarkan di Makmal Berpusat Kampus Gambang.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara **kontrak**.

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara **Online** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu <http://www.ump.edu.my>. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Online (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara **Online** melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan.

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjurua kiri muka hadapan sampul surat.

Permohonan yang lengkap berserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

PENDAFTAR

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN ATAS TALIAN

Pada 8 November 2013.

TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN

Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web rasmi UMP, <http://www.ump.edu.my> adalah pada 15 November 2013.